

**Sumbangan Jabatan Hal Ehwal Islam Kelantan (JAHEAIK) Dalam Memperkasakan  
Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah**

***Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK)'s Contribution in Empowerment the  
Creed of Ahli Sunnah Wal Jamaah***

NUR 'IZZATI HASHIM\* & ABDULL RAHMAN MAHMOOD<sup>1</sup>

**ABSTRACT**

*Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) was officially established in 1950 to assist Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) in extend Islamic teachings and monitored the development of Islamic teachings in Kelantan from any forms of deviation teachings contrary to the creed of Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). The purpose of this study is to discuss the contribution of JAHEAIK in empowering the creed of ASWJ. A qualitative approach with document analysis and interview methods was used to obtain the required information accurately. The results found that JAHEAIK had tremendously contributed to the community by strengthening the creed of ASWJ through organizing the programs and conducting activities. In conclusion, this study found that JAHEAIK's contribution to the empowerment of the creed of ASWJ in Kelantan is effective and continuous.*

**Keywords: Contribution, JAHEAIK, Creed, Ahli Sunnah Wal Jamaah**

**PENGENALAN**

Menurut Sabiq (2000), akidah bermaksud kepercayaan dan keyakinan yang jitu terhadap sesuatu, tanpa sebarang syak dan keraguan. Akidah menjadi asas utama membentuk diri manusia menjadi seorang mukmin dan muslim. Tambahan, skop perbincangan mengenai akidah tidak boleh dipisahkan daripada perbahasan mengenai iman. Justeru, kebanyakan sarjana meletakkan semua enam perkara dalam Rukun Iman dalam mendefinisikan akidah yang sahih atau kepercayaan yang tetap dalam hati (Sabiq 2000; Zakaria Stapa 2001; al-Fawzan 2012). Semua Rukun Iman wajib dipercayai dan boleh menggugurkan akidah atau iman seseorang jika mengingkarinya. Menurut Zakaria Stapa (2001) akidah merujuk kepada keimanan, kepercayaan serta keyakinan. Al-Quran mengungkapkan akidah dengan istilah iman sebagai mana firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ يَهْدِيهِمْ رَبُّهُمْ بِإِيمَانِهِمْ

---

<sup>1</sup> Nur 'Izzati Hashim\* (Corresponding Author), a Master's candidate at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: [izzatihashim97@gmail.com](mailto:izzatihashim97@gmail.com); Abdull Rahman Mahmood Ph.D., is a Senior Lecturer at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: [abrm@ukm.edu.my](mailto:abrm@ukm.edu.my)

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh, Tuhan mereka memimpin mereka dengan sebab iman mereka yang sempurna itu.

(Surah Yunus 10: 9)

Sehubungan itu, peranan akidah besar dalam membentuk insan yang sempurna, sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang aman dan sejahtera. Selain itu, ia mampu mencorakkan seluruh aktiviti manusia termasuk kegiatan pembangunan ummah yang bertujuan membolehkan seluruh ahli masyarakat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat (Mohd Fauzi Hamat 2002). Namun begitu, kepincangan dan kerosakan akidah dalam kalangan masyarakat Islam masa kini dilihat semakin parah dan bertambah serius ekoran daripada gelombang kemelut sosial yang melanda dengan kewujudan pelbagai kes jenayah yang berlaku di negara kita seiring dengan arus pembangunan negara. Hal ini tidak dapat dinafikan turut melanda masyarakat Islam khususnya di negeri Kelantan. Penyerapan unsur-unsur negatif yang sentiasa berlaku dalam masyarakat dengan pelbagai cara dan strategi yang telah dirancang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Di tambah pula dengan kesalahan yang melibatkan jenayah akidah khususnya dalam kalangan masyarakat Islam yang masih lagi melakukan perbuatan-perbuatan yang bercanggah dengan akidah dan syariat seperti melakukan pemujaan dan pengamalan ajaran salah, mempersendakan agama Islam, menghina agama Islam, mempermainkan ayat al-Quran dan Hadis, tidak menunaikan solat Jumaat dan sebagainya.

Justeru, proses pengukuhan akidah dipertingkatkan dan diperhebatkan lagi oleh pihak berwajib bagi membantu kerajaan menangani kes-kes jenayah yang kian meruncing. Oleh yang demikian, elemen pengukuhan akidah Islam menjadi faktor penting bagi mewujudkan sebuah masyarakat yang unggul dalam menjalani kehidupan yang sejahtera mengikut ciri-ciri akidah yang betul serta bebas daripada melakukan kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan syariat Islam. Perkara ini juga boleh dikatakan mempunyai kaitan di antara perbuatan seseorang muslim dengan kekuatan iman dan pegangan agama yang teguh kerana semakin tinggi pemahaman dan pengetahuan mereka mengenai ilmu agama maka semakin baik akhlak dan tingkah laku yang ada pada diri seseorang itu (Ahmad Mujahideen et al 2019). Di sinilah peranan institusi agama dalam memastikan akidah masyarakat Islam berada di landasan yang tepat. Oleh itu di Kelantan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) berfungsi sebagai badan pelaksana dalam memastikan kehidupan masyarakat Islam terjamin di samping melahirkan ummah yang berdaya saing tinggi dalam pelbagai aspek. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji sumbangan JAHEAIK dalam memperkasakan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui program-program dan aktiviti-aktiviti yang dilakukannya.

### **AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menjadi perbincangan yang panjang di kalangan para ilmuwan Islam dari aspek pengistilahannya, pelopor utama, tarikh awal kemunculan dan sebagainya. Oleh itu, pendefinisian dapat dikategorikan kepada dua bentuk iaitu umum dan khusus oleh para ulama. Dalam rujukan umum, istilah ini merujuk kepada golongan yang bukan golongan Syiah. Hal yang

demikian menjadikan golongan Sunni diungkapkan sebagai golongan yang berbeza dengan Syi'i dan sekali gus umat Islam dunia masa kini terbahagi kepada dua aliran iaitu Sunni dan Syi'i. Sementara itu, aliran Muktazilah masih merangkumi dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah menurut definisi umum ini (Musa 1975). Secara umumnya, Ahli Sunnah Wal Jamaah difahami berdasarkan gabungan perkataan antara *Ahl al-Sunnah* dan *al-Jamā'ah* yang membawa maksud kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah dilalui Rasulullah S.A.W, para sahabat dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi aspek akidah, fekah dan akhlak. Selain itu, ia juga dapat difahami sebagai golongan manusia yang mendukung serta berpegang dengan sunnah Rasulullah S.A.W. Hal ini bersangkutan dengan sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:

Maka berpegang teguhlah kepada sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin. Gigitlah ia (sunnah itu) dengan gerahammu. (al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmizi. No. Hadis: 2676)

Musa (1982) berpendapat bahawa mana-mana individu, kumpulan mahupun aliran yang terkeluar daripada kumpulan umat Islam seperti Syiah dan Muktazilah yang didapati tidak mengikuti jejak Rasulullah S.A.W sebagai panduan dan teladan melalui al-Quran dan Sunnah berdasarkan tafsiran jumhur ulama adalah terkeluar daripada definisi umum Ahli Sunnah Wal Jamaah meskipun mereka mendakwa mereka sebahagian daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat 2018).

Dalam pendefinisian khusus pula, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah diperincikan kepada dua perkataan utama iaitu *al-Sunnah* dan *al-jamā'ah*. Perkataan *al-Sunnah* mempunyai dua pengertian (i) jalan (*al-tarīqah*) yang bermaksud golongan Ahli Sunnah mengikut jalan atau cara para Sahabat dan tabiin dalam menerima ayat-ayat *mutasyabihāt* yang terdapat dalam al-Quran serta menyerahkan pengertian ayat tersebut kepada ilmu Allah S.W.T; (ii) merujuk kepada hadis (al-ḥadīth) yang bermaksud golongan Ahli Sunnah meyakini dan beriman dengan hadis sahih tanpa terlibat dengan takwil terhadap hadis seperti mana yang dilakukan oleh golongan Muktazilah (Musa 1975). Selain itu, al-Miṣri (1992) menyatakan istilah *al-Sunnah* merujuk kepada jalan yang diikuti oleh Nabi S.A.W dan para Sahabat merangkumi aspek-aspek ilmu, amal, akhlak, suluk, adab sehinggalah terangkum segala sesuatu yang melibatkan aspek-aspek kehidupan yang berbagai, kesemuanya bersih daripada segala unsur syubhat dan syahwat.

Pengistilahan *al-Sunnah* mempunyai banyak pendapat berdasarkan pelbagai bidang ilmu. Menurut ulama fekah, sunnah ditakrifkan sebagai sesuatu yang diterima daripada Rasulullah S.A.W dari sudut perkara-perkara yang berkaitan dengan wajib, sunat, harus, makruh dan haram (al-Sibā'i 1985). Menurut ulama akidah pula, sunnah adalah petunjuk yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W dan diikuti oleh para Sahabat dari sudut ilmu dan iktikad, perbuatan mahupun perkataan. Ianya wajib diikuti dan diamalkan. Orang yang mengikutinya akan dipuji dan mereka yang menyalahinya akan dikeji (Muhammad bin Ibrahim al-Hamd 1416H). Ulama usul fekah pula mendefinisikan sunnah sebagai satu perkara yang *dinaqalkan* daripada Rasulullah S.A.W sama ada sudut perkataan atau perbuatan mahupun *taqrīr* Baginda (al-Sibā'i 1985). Menurut ulama Muta'akhirīn pula, sunnah bermaksud mereka yang bersepakat mendefinisikan bahawa lafaz sunnah apabila digunakan, maka ia mengarahkan kepada jalan yang diambil oleh Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh sahabat Baginda sama ada dari sudut 'ilmi, 'amali, akhlak dan adab sehingga meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia (al-Misri t.th).

Seterusnya perkataan al- *Jamā'ah* menurut bahasa Arab adalah sesuatu yang berbilang-bilang atau banyak. Perkataan ini memerlukan perincian yang lebih mendalam bagi menegaskan kedudukan dan jenama Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menjawab persoalan aliran manakah yang termasuk dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perkara ini perlu direncam bagi membezakan antara kelompok Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan aliran bidaah. Tidak dinafikan, terdapat beberapa riwayat yang menjelaskan maksud al-*Jamā'ah* tersebut, antaranya sabda Rasulullah S.A.W:

أَلَا إِنَّ مَن قَبْلَكُمْ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى اثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتُفْتَرِقُ ثَلَاثَ وَسَبْعِينَ، اثْنَتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَوَّاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Maksud:

Sesungguhnya telah berpecah Ahli Kitab sebelum kamu kepada 72 golongan. Umat ini (umat Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan dimasukkan ke neraka dan satu golongan sahaja dimasukkan ke syurga iaitu al- *Jamā'ah*.

(Abī Dāwūd, Sunan Abī Dawūd, No. Hadis: 4587)

Berdasarkan kepada hadis tersebut, al-Baghdādī (t.th) menegaskan bahawa golongan ke-73 itu adalah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang terdiri daripada *Ahl al-Ra'yi*, *Ahl al-ḥadīth* yang bukan mempermainkan hadis, ulama fekah, penghafal al-Qur'an, periwayat Hadith dan *Ahl al-Kalām* daripada kalangan *Ahl al-Ḥadīth*. Termasuk juga di dalam golongan ini ialah pengikut-pengikut Abū Ḥanīfah, Mālik, al-Shāfi'ī, al-Awzā'ī, al-Thawrī dan Ahl al-Zahir. Dalam pada itu, al-Baghdādī (t.th) turut mendatangkan pemetaan epistemologi bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui kitabnya *al-Farq Bayn al-Firaq*, di mana Ahli Sunah Wal Jamaah boleh diteliti melalui 8 kumpulan seperti berikut iaitu (1) ahli ilmu akidah, (2) ahli ilmu fekah, (3) ahli ilmu hadis, (4) ahli ilmu nahu, (5) ahli ilmu al-Quran, (6) ahli ilmu tasawuf, (7) ahli jihad yang benar dan (8) masyarakat dalam negara yang mengamalkan syiar Ahli Sunah Wal Jamaah.

Ibn al-Athīr (1963) menyatakan bahawa al- *Jamā'ah* adalah kelompok manusia terbesar (majoriti) yang terdiri daripada umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan lurus dan mentaati perintah mereka. Al-Syatibi pula telah mengumpul pelbagai pandangan dan huraian mengenai al- *Jamā'ah* iaitu (1) golongan majoriti umat Islam (Sawad al-A'zam), (2) sekumpulan ulama mujtahid, (3) para sahabat, (4) jamaah (golongan) umat Islam dan (5) umat Islam yang berada di bawah pemerintah Islam. Berdasarkan kepada perbincangan di atas, perkataan al-*Jamā'ah* dapat disimpulkan sebagai kumpulan terbesar umat Islam yang bersepakat mengikut jalan kebenaran daripada ajaran Rasulullah S.A.W merangkumi al-Quran dan Hadis. Dalam hal ini, al-Qaradāwī menyatakan bahawa majoriti umat Islam di seluruh dunia berpegang kepada aliran Asya'irah semenjak dahulu hingga kini. Pada ketika itu beliau mempertahankan Universiti al-Azhar yang berpegang dengan akidah Asya'irah daripada tohmahan Salafiyah Wahabiyah. Selain itu, sebuah kajian telah dijalankan oleh *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* (2010;2011) menunjukkan bahawa Asya'irah dan Maturidiyyah merupakan aliran majoriti umat Islam dengan 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di dunia adalah pengikut aliran *Ahl al-Kalam* ini.

Al-Zābidī (1989) dalam kitabnya menyatakan bahawa istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah apabila digunakan secara mutlak, ia merujuk kepada aliran Asya'irah dan Maturidiyyah. Di samping itu, beliau turut membahagikan Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada tiga golongan iaitu *ahl al-hadith*, *ahl al-nazar al-'aqli* (Asya'irah dan Maturidiyyah) dan *ahl al-wujdan wa al-kasyf*. Al-Saffarini (t.th) turut membahagikan Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada tiga golongan, pertama, Athariyyah yang diketuai oleh Ahmad bin Hanbal; kedua, Asya'irah yang diketuai oleh al-Asy'ari; dan ketiga, Maturidiyyah yang diketuai oleh al-Maturidi.

Justeru, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam rujukan khusus dapat disimpulkan kepada mereka yang berpegang dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam aspek akidah. Definisi ini selari dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai sebuah istilah teknikal yang digunakan dalam Ilmu *Kalam* yang dikaitkan dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah secara khusus (al-Mahdalī t.th; Mūsā 1982). Disebabkan itu, istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Asha'irah sering digunakan secara bertukar-ganti dengan maksud atau tujuan yang sama. Malah penggunaan nama Ahli Sunnah Wal Jamaah juga lebih sinonim digunakan dalam aspek akidah, walaupun penggunaannya meluas meliputi aspek fekah dan tasawuf. Justeru, mengeluarkan Asha'irah dari mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan suatu perbuatan yang melampau dan tidak bersandarkan hujah yang kukuh (Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. 2018).

#### **JABATAN HAL EHWAL ISLAM KELANTAN (JAHEAIK)**

Kerajaan Kelantan dengan persetujuan Sultan Kelantan iaitu Sultan Yahya Petra telah bersetuju untuk menubuhkan Bahagian Agama Islam (BAI) yang terletak di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 1978 yang dikendalikan oleh seorang pegawai berjawatan 'Penolong Setiausaha (Hal Ehwal Agama)' dan beberapa orang kakitangan perkeranian bagi membantu Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam menyebarkan syiar Islam dan memantau perkembangan ajaran Islam di Kelantan dari sebarang bentuk penyebaran akidah yang terkeluar dari landasan Islam yang sebenar (Nawi @ Mohd. Nawi 2011).

Sebelum pada itu, Pejabat Penyelia Agama yang masyhur dengan panggilan Pejabat Pencegah Maksiat telah ditubuhkan pada 1 Disember 1950 dan bidang kuasanya tertumpu kepada pencegahan, penangkapan dan pendakwaan jenayah syariah sahaja. Ia turut diletakkan di bawah Pejabat Mufti Kerajaan Kelantan. Kemudian, pada Mac 1978, kerajaan telah mewujudkan satu lagi bahagian iaitu Bahagian Agama Islam di bawah pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan di bawah kendalian seorang pegawai berjawatan Penolong Setiausaha (Hal Ehwal Agama) dengan beberapa orang kakitangan perkeranian (JAHEAIK 2016).

Pada Jun 1979, penstrukturan pentadbiran dilakukan bagi memperkemas dan memperbesarkan skop urusan hal ehwal agama Islam Kelantan merangkumi semua aspek kegiatan. Maka, JAHEAIK ditubuhkan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri yang diketuai oleh seorang Pengarah dan Penolong Kanannya digelar sebagai Setiausaha. Pada bulan Mei 1980, JAHEAIK telah dijadikan satu jabatan khusus dengan peruntukan tahunan dan kuasa mengawal kewangan serta pentadbirannya sendiri (Ab. Aziz Ismail 1994). Sejak dari awal penubuhannya sehingga kini, JAHEAIK telah melalui perubahan dan perkembangan dalam aspek pentadbiran sesuai dengan tuntutan semasa.

Institusi JAHEAIK terdiri daripada lapan bahagian yang bertanggungjawab dalam melicinkan pengurusan hal ehwal Islam di Kelantan serta meningkatkan pembangunan ummah secara terancang, cekap dan berkesan secara langsung atau tidak langsung. Bahagian-bahagian tersebut ialah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pendidikan, Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Bahagian Pengurusan Halal dan Bahagian Dakwah Halaqat. Namun begitu, dalam kajian ini pengkaji hanya menjalankan kajiannya menerusi tiga bahagian sahaja iaitu Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Dakwah Halaqat. Ketiga-tiga bahagian tersebut dilihat banyak terlibat secara langsung dalam penganjuran program dan aktiviti dakwah.

## **SUMBANGAN JAHEAIK DALAM MEMPERKASAKAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH**

Secara umumnya, JAHEAIK telah banyak berjasa menerusi pelbagai peranan, sumbangan, aktiviti serta program yang dijalankan terutamanya berkaitan dengan akidah Islam sejak dari awal penubuhannya. JAHEAIK sangat komited dalam menyebarkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah di Kelantan seperti yang terkandung dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kelantan (2008) yang memasukkan aliran Abu Hassan al-Asy'ari dan Abu Mansur al-Maturidi serta pengikut daripada kedua-duanya bagi membangunkan masyarakat Islam yang berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan seharian sekaligus dapat membendung perkara-perkara yang menyalahi ajaran Islam. Salah satu daripada usaha JAHEAIK dalam membangunkan masyarakat bertakwa berlandaskan Islam adalah dengan melancarkan satu pelan strategik iaitu Pelan Induk Transformasi Ummah (PINTU) yang telah berlangsung pada tahun 2015 hingga 2020. Pelan tersebut terdiri daripada lima teras iaitu *faqīhan* (faham agama), *amīnan* (amanah), *rahīman* (rahmat kasih), *īlman* (ilmu) dan *salāman* (sejahtera). Pelan ini bergerak secara bersepadu dan saling bertaut antara satu sama lain bagi mencapai objektif dan visi kemuliaan (*akramakum*) melalui misi takwa (*atqaakum*) yang terkandung dalam Surah al-Hujuraat ayat 13. Tambahan, setiap teras tersebut dibina berdasarkan kehendak semasa dan aspirasi masyarakat dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang berlaku dalam masyarakat yang bersifat global (JAHEAIK.t.th).

Oleh hal yang demikian, teras pertama iaitu *Faqīhan* merupakan sebuah konsep faham agama yang tidak terbatas kepada mempunyai ilmu dan maklumat sahaja, bahkan mestilah dicakupi dengan *hikmah* dan kebijaksanaan dalam konteks yang luas iaitu agama sebagai *al-Din*. Teras ini menuntut masyarakat untuk memahami dan menganalisis fenomena-fenomena fizikal dan lahiriah yang berlaku di persekitaran dengan berhati-hati dan bijaksana bagi melahirkan masyarakat bertakwa dan adil. Teras ini dijalankan berasaskan kepatuhan manusia kepada Allah S.W.T khususnya melalui solat yang merupakan bukti ritual kepatuhan seorang hamba kepada Penciptanya. Begitu juga dengan menjadikan al-Quran sebagai rujukan menyeluruh dalam semua peringkat aktiviti masyarakat bagi melahirkan masyarakat yang maju dan bertakwa. Kesimpulannya, penjana teras ini meliputi aktiviti yang melibatkan pembinaan generasi solat, generasi al-Quran, remaja iman dan masyarakat adil (JAHEAIK.t.th).

Teras kedua iaitu *Aminan* (amanah) tidak hanya merujuk kepada kebolehpercayaan seseorang terhadap tanggungjawab yang diberikan kepadanya, malah nikmat Islam itu sendiri merupakan sebuah amanah yang tidak terpikul oleh langit dan bumi seperti mana firman Allah dalam Surah al-Ahzab (33:72). Oleh itu, teras ini turut dilaksanakan bagi menimbulkan hakikat

kehambaan diri kepada Allah berdasarkan ayat al-Quran dari Surah al-Zariyat (51:52). Sifat atau kedudukan kehambaan ini disebut sebagai '*Ubudiyyah*' yang bukan sahaja dalam ibadat-ibadat khusus, tetapi juga dalam konteks kehidupan berkerjaya. Pengamalan sifat *Ubudiyyah* akan melahirkan kesungguhan dan ketekunan dalam pekerjaan yang dikenali sebagai '*Itqan*'. Gabungan antara sifat *Ubudiyyah* dan *Itqan* akan menyempurnakan kebertanggungjawaban seorang manusia (pekerja) yang disebut sebagai '*Mas'uliyah*'. Tuntasnya, pelaksanaan teras ini berdasarkan kepada kefahaman masyarakat terutamanya golongan berkerjaya dan golongan remaja sebagai generasi pelapis mengenai prinsip *Ubudiyyah*, *Itqan* dan *Mas'uliyah* dalam melaksanakan urusan pekerjaan dengan amanah dan cekap (JAHEAIK.t.th).

Seterusnya, teras ketiga iaitu *Rahiman* yang bermaksud rahmat kasih atau kasih sayang yang dipupuk dan dibentuk dalam institusi kekeluargaan sebagai asas kepada hubungan suami, isteri dan anak-anak. Institusi kekeluargaan mestilah dibina sebaik-baiknya secara luaran iaitu perkataan dan perbuatan, dan secara dalaman iaitu hati dan akidah bagi membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai ciri-ciri *mawaddah* (kasih sayang) dan tidak mementingkan diri sendiri sahaja. Kasih sayang dalam masyarakat adalah bersifat sejagat iaitu merentasi pelbagai agama, bangsa dan ideologi politik. Masyarakat penyayang membolehkan semua masyarakat dengan pelbagai latar belakang dapat menikmati kesenangan dan keindahan hidup sehingga membentuk sebuah negara yang prihatin. Oleh itu, penjana teras ini dilakukan bagi melahirkan keluarga *mawaddah* dan *sakinah* serta mewujudkan masyarakat prihatin dengan penganjuran program seperti Anak Soleh, Keluarga Mawaddah/Sakinah, Masyarakat Harmoni dan banyak lagi (JAHEAIK.t.th).

Manakala, teras keempat iaitu *Ilman* merupakan sebuah teras yang mementingkan mekanisme ilmu dan maklumat yang betul dan tepat agar menghasilkan tindakan yang betul dan produktif. Teras ini memerlukan kepada kesedaran dan keprihatinan masyarakat mengenai ancaman ketiadaan ilmu maklumat yang menyumbang kepada tindakan salah dan merugikan. Bagi memastikan ciri berilmu dijana dengan baik, masyarakat mestilah menghormati institusi-institusi dan budaya keilmuan. Dalam pada itu, media massa sama ada elektronik atau cetak juga mestilah menyebarkan maklumat yang benar, bukannya mementingkan sensasi atau fitnah semata-mata. Oleh hal yang demikian, Islam menganjurkan sifat *tabayyun* sebelum menerima sesuatu berita dan menyebarkannya. Justeru, teras ini dilaksanakan dengan penganjuran pelbagai program seperti Bicara al-Din, Julang Ilmu, Sinaran Minda, Kembara Fitrah dan Daurah Muslim bagi melahirkan individu yang seimbang daripada aspek keilmuan dan kemahiran ke arah pembangunan modal insan yang cemerlang (JAHEAIK.t.th).

Akhir sekali, teras *Salaman* iaitu sejahtera bermaksud keberadaan sesuatu dalam keadaan baik dari segi kedudukan dan peranan kepada manusia. Kesejahteraan tidak terikat kepada penilaian kuantiti, tetapi terhadap kualiti walaupun bersifat *nisbiyyah*. Islam menekankan kesejahteraan akidah dan kejiwaan sebagai kayu ukur dalam menilai kesejahteraan. Antara program dalam teras ini seperti Mediator Komuniti, Pusat Khidmat Komuniti, Sosial dan Kemasyarakatan (PKKSK) dan seumpamanya bagi melahirkan masyarakat sejahtera yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Islam meletakkan kesejahteraan akhirat sebagai mutlak dan terakhir dengan penyepaduan aspek kehidupan di dunia seperti aspek nilai, ekonomi, sosiobudaya, persekitaran, politik dan undang-undang. Sementara itu, pencapaian kesejahteraan aspek-aspek berikut adalah produk daripada keempat-empat tonggak yang lain. Dengan itu, semua sektor

mestilah melihat ‘*salaman*’ sebagai tujuan akhir kepada semua tindakan strategik. Oleh itu, kebahagiaan di akhirat mestilah menjadi ‘tujuan abadi’ di samping tujuan jangka pendek dan panjang dalam setiap program yang dianjurkan (JAHEAIK.t.th).

Tuntasnya, semua bahagian dalam JAHEAIK terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PINTU ini. Namun, bahagian yang paling besar menyumbang dalam program keagamaan dan sosial kepada seluruh masyarakat Islam Kelantan adalah Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Dakwah Halaqat. Sumbangan-sumbangan mereka adalah seperti berikut:

### BAHAGIAN DAKWAH

Dakwah merupakan satu usaha dan perbuatan yang perlu dilakukan secara berterusan dalam kalangan masyarakat Islam bagi memberi pendedahan mengenai hakikat dan kebenaran menerusi pelbagai bentuk pengajaran yang lengkap merangkumi seluruh aspek kehidupan yang terkandung di dalam al-Quran (Mohd. Sabri Ismail 2004). Abdul Ghafar Don et al (2007) mendefinisikan dakwah islamiah adalah ajakan atau seruan ke arah penerimaan dan penghayatan terhadap ajaran serta nilai-nilai Islam seterusnya dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan yang bersistematik seperti berdakwah dengan hikmah kebijaksanaan, dengan nasihat pengajaran yang baik dan berbahas dengan golongan menentang dengan cara sebaik-baiknya (berlemah lembut dan menggunakan kata-kata yang baik). Perkara ini merujuk kepada firman Allah S.W.T:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ  
عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

(Surah al-Nahl 16: 125)

Ab Aziz Mohd Zin (2006) menyatakan bahawa dakwah ialah mengubah sesuatu keadaan ke arah lebih baik dan sempurna terhadap individu mahupun masyarakat. Program dan aktiviti dakwah yang dilaksanakan bukan sahaja dapat meningkatkan kefahaman dalam urusan agama, bahkan dapat membentuk tingkah laku serta pandangan hidup masyarakat dengan betul. Oleh itu, bahagian dakwah perlu memainkan peranannya dengan lebih hebat untuk menuju ke arah pelaksanaan ajaran Islam secara menyeluruh.

Di JAHEAIK, bahagian dakwah bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan program-program dakwah seperti ceramah, kuliah dan kursus-kursus kepada masyarakat umum di negeri ini. Tambahan pula, mereka turut berkolaborasi dengan agensi-agensi agama serta badan-badan dakwah bukan kerajaan (NGO) dalam merancang dan menyelaras program-program



keagamaan bagi memastikan penyampaian dakwah dapat dilakukan secara holistik. Tidak terkecuali bagi bahagian ini merancang dan melaksanakan program keagamaan kepada saudara baru dan mereka yang belum masuk Islam. Secara ringkas, aktiviti bahagian dakwah dapat disimpulkan kepada dua bahagian iaitu dakwah ke dalam dan dakwah ke luar. Dakwah ke dalam bermaksud kursus dan latihan yang diadakan bagi semua lapisan masyarakat di samping mengendalikan bimbingan kefahaman, kemahiran kader-kader dakwah, pegawai dan kakitangan JAHEAIK serta menyelaras aktiviti dan program dakwah bersama agensi lain. Manakala dakwah ke luar merupakan aktiviti yang dianjurkan bagi saudara baru dan masyarakat bukan Islam yang menjurus kepada penerangan dan kefahaman. Contohnya, memberi bimbingan serta mengurus hal ehwal kebajikan saudara baru Islam dan memberi sokongan dan dorongan kepada golongan yang tidak bernasib baik.

Menurut Mohd Hafiz Mat Sulaiman (Temu bual. 3 Januari 2022), Pegawai Dakwah dan Tarbiah, Bahagian Dakwah JAHEAIK menyatakan bahawa terdapat tiga program besar yang dianjurkan oleh Dakwah dan Tarbiah iaitu Membina Generasi al-Quran (MGQ), Membina Remaja Iman (MRI) dan *Qiam With Me* yang diadakan pada bulan Ramadan di Kota Bharu. Manakala program MGQ dilaksanakan di peringkat jajahan dengan peruntukan yang diberi oleh JAHEAIK bagi membentuk masyarakat setempat yang membudayakan pembacaan al-Quran dalam kehidupan seharian. Program ini mengandungi tiga kategori iaitu huffaz cilik (kanak-kanak), pintar al-Quran (dewasa) dan celik al-Quran (warga emas). Program MRI pula merupakan program berbentuk kerohanian dan aktiviti kemasyarakatan yang menyasarkan golongan remaja dan belia bagi membentuk jati diri remaja Islam. Program ini telah dirancang dan disusun dengan pengisian yang padat meliputi seluruh aspek kehidupan seperti akidah, ibadah dan akhlak bagi melahirkan masyarakat yang memahami agama.

Sementara itu, terdapat juga program-program dakwah yang diadakan secara berkala seperti Bicara *al-Din* yang diadakan pada bulan kebesaran Islam (Israk Mikraj, Ambang Ramadan, ibadat korban, hijratul Rasul dan maulidur Rasul), Imarah Surau/ Balaisah terbiar, Bengkel Pemantapan Jentera Da'ie, Hafiah Tarannum al-Quran, Dakwah Maya, Tazkirah Agensi/ Jentera Da'ie dan Kerjasama Pintar yang dilakukan berdasarkan jemputan daripada agensi dan jabatan luar. Selain itu, turut dianjurkan program dakwah lapangan (*street* dakwah) dengan penglibatan pelajar IPT seperti Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Universiti Malaya Kampus Bachok dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Dakwah lapangan ini memfokuskan kepada golongan Muslim dan bukan Islam. Bagi golongan Muslim, kebanyakannya dilakukan ketika malam ambang tahun baru dan ambang kemerdekaan. Program ini merupakan program berkala yang sering dilakukan oleh Bahagian Dakwah dan Bahagian Penguat kuasa JAHEAIK bagi membendung penularan masalah-masalah sosial di kalangan masyarakat Islam negeri ini.

Bahagian Dakwah JAHEAIK menggunakan pelbagai kaedah untuk menyebarkan dakwah kepada masyarakat menerusi pelbagai aktiviti dan program yang diadakan dan tidak hanya terbatas kepada program berkala seperti kuliah dan ceramah sahaja bahkan aktiviti dakwah juga dilakukan melalui banyak majlis-majlis rasmi bagi merayakan hari-hari kebesaran umat Islam. Kepelbagaian program ini juga dapat menarik minat masyarakat daripada pelbagai lapisan latar belakang sekali gus dapat meningkatkan sambutan masyarakat terhadap program keagamaan. Walaupun program-program yang dianjurkan tidak memfokuskan isu akidah secara khusus dan menyeluruh, namun usaha yang dilakukan merupakan salah satu kaedah yang dilaksanakan oleh JAHEAIK bagi memantapkan dan mengukuhkan akidah masyarakat Islam di Kelantan khususnya melalui

program anjuran JAHEAIK yang meliputi seluruh aspek kehidupan beragama seperti akidah, ibadah dan akhlak.

## **BAHAGIAN PENYELIDIKAN**

Bahagian penyelidikan ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah yang berhubung kait dengan isu-isu akidah, syariah, ajaran sesat dan penapisan media. Sehubungan itu, kaji selidik akan dijalankan mengenai hal-hal yang ada hubung kait dengan akidah dan syariah bahkan pemantauan turut dilakukan terhadap ajaran-ajaran sesat dan dayah agama lain yang dilaporkan di negeri ini. Bahagian ini turut menyediakan dan menyebarkan maklumat yang sahih dan terkini mengenai Islam kepada seluruh masyarakat Islam di negeri ini agar sentiasa cakna dengan ancaman akidah yang melanda masyarakat Islam hari ini. Di samping itu, penganjuran program seminar, majlis penerangan, dialog dan sebagainya berkenaan pemantapan akidah turut diadakan.

Menurut Arif Ahmad Tajuddin (Temu bual. 3 Januari 2022), banyak aktiviti serta program keagamaan diadakan dan kebanyakan daripadanya lebih cenderung kepada aktiviti yang bersifat sosial seperti diskusi dan seminar. Antara program-program yang dianjurkan adalah:

i-Program Syariah Dijunjung merupakan program berkala yang diadakan di seluruh jajahan negeri Kelantan. Ia dilaksanakan bagi memberi kefahaman dan kesedaran kepada penduduk setempat mengenai indahnya hidup bersyariat serta kepentingan membina kerukunan beragama berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Tambahan pula, pemilihan tempat bagi program ini adalah berdasarkan kepada permasalahan dan isu-isu akidah yang timbul di kawasan tersebut bagi membendung dan mengatasi masalah tersebut dari menular dan membekas dalam diri masyarakat.

ii-Program Bengkel Bahan Bukti Ajaran Syiah diadakan bagi memberi pendedahan maklumat secara mendalam kepada peserta mengenai bahan-bahan bukti yang disinonimkan dengan ajaran Syiah. Selain itu, penerangan berkaitan soalan-soalan yang akan disoal oleh peguam bela mengenai bahan-bahan bukti yang dikemukakan di mahkamah turut dikongsi bersama para peserta. Hal ini dapat memberi kefahaman kepada peserta tentang kepentingan berkeyakinan diri yang tinggi untuk berhadapan dengan kumpulan peguam yang mewakili pengikut ajaran Syiah. Dalam pada itu, program ini turut berkongsi pengalaman negeri yang sudah terlibat dengan kes perbicaraan pengikut Syiah di mahkamah. Program ini mendapat kerjasama daripada agensi luar iaitu polis cawangan khas.

iii-Seminar *Fiqh Tabayyun* di Media Sosial yang diadakan bertujuan memberi kefahaman kepada para peserta berkaitan *fekah tabayyun*. Pada waktu yang sama, ia dapat memberi kesedaran kepada peserta untuk menyemak kembali sumber maklumat tersebut dan hanya menyebarkan maklumat yang tepat.

iv-Konvensyen Penyelidikan Islam Kebangsaan adalah sebuah program pembentangan makalah atau kertas kerja bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kajian penyelidikan Islam terkini. Ia sekali gus menjadi satu medium antara penyelidik dan peserta bertukar maklumat dan idea. Setiap makalah yang dibentangkan dalam konvensyen ini akan dikompilasi dan diterbitkan dalam 'Kompilasi Kertas Kerja Seminar' oleh Bahagian Penyelidikan JAHEAIK.

v-Seminar Isu-isu Akidah di Media Sosial dilaksanakan bagi memberikan kesedaran kepada golongan masyarakat mengenai kepentingan menjaga kesucian akidah dalam dunia tanpa

sempadan pada hari ini. Penjelasan mengenai isu-isu semasa berkaitan dengan Islam turut disampaikan. Tambahan pula, masyarakat turut diingatkan bahawa media sosial sebagai medium komunikasi utama pada zaman sekarang mestilah dijadikan wasilah penyebaran maklumat yang tepat, sahih dan dari sumber yang betul mengikut lunas-lunas Islam adalah tanggungjawab masyarakat.

vi-Program Pemantapan Akidah, Ancaman Akidah Semasa bertujuan bagi memberi penerangan kepada peserta tentang ancaman akidah semasa. Ia memberi kefahaman kepada peserta tentang kepentingan untuk membina keyakinan diri bagi menghadapi realiti masyarakat yang berhadapan dengan ancaman akidah semasa. Ia juga menjadikan satu wasilah untuk memantapkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam kalangan peserta.

vii-Program Diskusi Ajaran Syiah bersama bekas pengikut ajaran ini bagi berkongsi pengalaman dan memberi pendedahan kepada peserta untuk mendapatkan maklumat secara mendalam tentang pergerakan dan strategi penyebaran ajaran Syiah di Kelantan. Selain itu, penerangan kepada peserta mengenai bagaimana hendak mengenali dan ancaman bahaya Syiah. Kefahaman kepada peserta turut dititik-beratkan tentang kepentingan untuk membina jati diri Muslim yang mampu berhadapan dengan ancaman ajaran Syiah.

viii-Seminar Isu-isu Berkaitan Akidah dan Syariah dalam Perubatan Tradisional menjelaskan isu-isu penyelewengan dari segi akidah dan syariah dalam perubatan tradisional kepada masyarakat. Program ini juga bertujuan untuk menghindarkan masyarakat daripada kekeliruan dan kerosakan akidah melalui kepercayaan kepada amalan perbomohan dan mendidik masyarakat agar mendapatkan rawatan daripada orang yang tepat dan patuh syariah.

Tidak syak lagi, Bahagian Penyelidikan dengan penganjuran pelbagai aktiviti dan kegiatan ilmuwan seperti yang dijelaskan telah memainkan peranannya yang sangat besar dalam memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai realiti isu-isu semasa yang dapat mengganggu gugat keimanan seseorang Muslim. Hal ini menunjukkan Bahagian Penyelidikan JAHEAIK begitu komited dan tidak mengambil enteng permasalahan-permasalahan akidah dan syariah yang melanda umat Islam di Kelantan.

### **BAHAGIAN DAKWAH HALAQAT (BDH)**

Unit Dakwah Halaqat telah ditubuhkan pada April 1991 oleh Menteri Besar Kelantan pada ketika itu iaitu Almarhum Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan diletakkan di bawah naungan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). Pada 2015, Unit Dakwah Halaqat dinaik taraf menjadi Bahagian Dakwah Halaqat seiring dengan peningkatan gerak kerja, tanggungjawab dan peranan berserta penambahan jumlah anggota dan kakitangan. Antara objektif penubuhannya adalah melaksanakan kegiatan dakwah secara komprehensif bagi mempertingkatkan keilmuan dan kefahaman Islam kepada semua lapisan masyarakat khususnya dalam aspek akidah tauhid, ibadah dan syariah serta akhlak dan tasawuf. Perkhidmatan utama BDH adalah (i) menyampaikan ilmu dan kefahaman Islam kepada rakyat Kelantan dan (ii) berdakwah dan menyeru masyarakat Kelantan kembali kepada penghayatan dan pengamalan ajaran Islam secara symul dan menyeluruh dalam kehidupan (BDH 2017).

Dalam usaha mewujudkan masyarakat yang memahami kesyumulan agama Islam dan menghayati al-Quran dan sunnah sebagai panduan dalam kehidupan, BDH giat merangka dan menganjurkan program-program melibatkan masyarakat di seluruh Kelantan. Antaranya, Program Membina Generasi Solat (MGS) yang merupakan program BDH dengan menyasarkan kepada seluruh lapisan masyarakat yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, belia, dewasa, orang sakit, orang kurang upaya dan golongan muafaf. Program MGS terdiri daripada dua bahagian iaitu program kesedaran solat yang dilakukan secara berterusan dan bengkel kefahaman solat. Objektif utama pelaksanaan program ini adalah bagi membina masyarakat yang mempraktikkan Islam dalam kehidupan serta membentuk masyarakat yang membudayakan solat dalam kehidupan seharian (BDH 2017).

Aktiviti dakwah majoritinya yang dijalankan menerusi kuliah-kuliah agama, ceramah dan kelas pengajian agama yang meliputi ilmu akidah, fekah, hadis nabawiyyah, tasawuf asas, tafsir dan sirah nabawiyyah yang berlaku secara teratur dan tetap berdasarkan kepada proforma-proforma yang telah disediakan oleh BDH (BDH 2017). Dalam menyampaikan ilmu akidah kepada masyarakat awam di seluruh Kelantan, BDH menggunakan modul akidah dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) iaitu Asas Aqidah Islam bagi memperjelaskan mengenai ilmu tauhid, asas akidah Islam dan cara mengenal Allah SWT menerusi pengajian agama yang dilakukan. Dalam soal akidah, buku ini membincangkan mengenai beberapa perkara berkaitan ketuhanan, kenabian dan perkara-perkara ghaib. Dalam bab ketuhanan, terdapat beberapa tajuk kecil seperti beriman kepada Allah S.W.T melalui mengenal sifat-sifatNya yang terdiri daripada sifat *Nafsiah*, *Salbiah*, *Ma<sup>c</sup>ani*, *Ma<sup>c</sup>nawiyyah* dan *Asma' al-Husna* dari segi bilangan dan pengertiannya. Dalam bab kenabian pula, buku ini menjelaskan mengenai kepercayaan kepada nabi dan rasul, pemilihan rasul dan tugas-tugasnya, sifat yang wajib dan mustahil bagi mereka dan mukjizat para rasul. Buku ini juga membincangkan mengenai perkara-perkara ghaib seperti alam kubur, gambaran azab dan nikmat dalam kubur, hikmah soal malaikat dan soalan Munkar Nakir. Perbincangan mengenai syurga dan neraka turut dimasukkan yang berkaitan dengan balasan ketaatan dan keingkaran, pengertian pahala dan dosa dan laluan sirat (Ahmad Mujahideen et al 2019).

Kitab-kitab akidah yang lain yang menjadi rujukan oleh ialah kitab *Misbāh al-Munīr*, *Farīdah al-Farā'id*, *Acīdah al-Najin*, *Durs al-Thamin*, *Acīdah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah* dan *Taqrīb al-Ikhwān*. Kesemua kitab tersebut merupakan kitab masyhur dalam bidang akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam usaha pemantapan akidah ini juga, BDH turut mengadakan program bulanan yang khusus kepada anggota halaqat yang dikenali sebagai *Tafaqquh Halaqat*. Program ini berperanan bagi menambahkan lagi ilmu agama dan kefahaman di kalangan anggotanya. Beberapa naqib akan dilantik bagi membaca dan menghuraikan kitab berkaitan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asya'irah dan Maturidiyyah, fekah mazhab Syafi'i, tasawuf Junayd al-Baghdadi dan al-Ghazali, tafsir, hadis dan sirah. Sementara itu, BDH turut menganjurkan 'Tadarus Ramadan' pada setiap tahun di bulan Ramadan. Anggota halaqat akan memimpin masyarakat membaca sebahagian ayat-ayat al-Quran secara *tartil* dan kemudiannya menerangkan kepada mereka makna dan tafsiran ayat tersebut. Hal ini penting agar masyarakat dapat mengambil *ibrah* daripada ayat-ayat tersebut dan menghayatinya dalam kehidupan. Sehubungan itu, teks tadarus bagi program ini akan diterbitkan oleh Bahagian Dakwah Halaqat dan di tulis oleh panel khas dengan tajuk dan tema yang berlainan pada setiap tahun (BDH 2017).

Selain itu, BDH turut menganjurkan program Usrah Halaqat yang diadakan secara mingguan bersama masyarakat awam. Program ini dikelola oleh anggota halaqat bagi membahaskan mengenai strategi dakwah dan pengajaran berdasarkan kawasan setempat, menyelesaikan permasalahan masalah yang dihadapi oleh masyarakat serta berusaha untuk meningkatkan keperibadian, keterampilan dan komitmen diri. Pada sesi akhir usrah, naqib akan berkongsi mengenai isu-isu semasa, perkembangan dalam negeri dan negara serta menyampaikan mengenai aktiviti-aktiviti terkini yang dianjurkan oleh BDH. BDH turut menganjurkan program bimbingan dan kefahaman seperti kelas fardu ain dan kelas pengajian al-Quran kepada semua kategori umur yang mahu dan mula belajar agama. Bagi kelas pengajian al-Quran, BDH telah melantik guru-guru al-Quran di seluruh negeri dengan penubuhan Unit Guru al-Quran. Guru-guru al-Quran ini mengadakan kelas pengajian al-Quran sama ada di rumah mereka sendiri, di masjid atau madrasah pada setiap hari, waktu pagi atau petang. Kelas pengajian fardu ain pula akan diadakan dua kali seminggu dengan jangka masa dua jam setiap sesi pembelajaran (BDH 2017).

Jelasnya, BDH telah banyak memberikan sumbangan kepada masyarakat Islam di Kelantan menerusi pendekatan yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan BDH yang menggerakkan organisasinya sendiri di peringkat jajahan dan bertindak sebagai penggerak bagi program agama di kawasan-kawasan jajahan. BDH sentiasa berperanan dalam membuat perancangan yang sistematik untuk mencapai tujuan matlamat yang sebenar seperti yang terkandung dalam visi dan misinya.

## KESIMPULAN

JAHEAIK sebagai badan pelaksana telah banyak memenuhi keperluan dalam pengurusan hal ehwal Islam serta pembangunan masyarakat Islam di semua lapisan. Secara umumnya, Bahagian Dakwah, Bahagian Penyelidikan dan Bahagian Dakwah Halaqat telah banyak memainkan peranan penting dalam usaha pemantapan akidah masyarakat Islam di negeri Kelantan melalui pelaksanaan aktiviti serta program agama di bawah seliaannya. Banyak program keagamaan telah dilaksanakan sejajar dengan pelaksanaan pelan strategik Pelan Induk Transformasi Ummah (2015-2020) bagi memantapkan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Aktiviti serta program keagamaan yang dilaksanakan secara tidak langsung dapat membantu memantapkan dan mengukuhkan lagi keimanan serta melahirkan masyarakat Islam yang berakhlak luhur dan sejahtera.

## RUJUKAN

- Al-Quran. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Cet ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ab Aziz Mohd Zin. 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Aziz Ismail. 1994. Sheikh Daud al-Fatani (1769-1847M): Pengaruh Pemikirannya di Kelantan. Tesis Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi.
- Abdul Ghafar Don et al. 2007. *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia (konsep dan pelaksanaan)*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Mujahideen et al. 2019. Akidah Masyarakat Islam di Kelantan: Sumbangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam penerapannya. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)* 2(2): 1-12.

- Arif Ahmad Tajuddin 2022. Program-program yang dianjurkan oleh bahagian dakwah. Temu bual, 3 Januari.
- Bahagian Dakwah Halaqat (BDH). 2017. *Ilmu pemangkin kesejahteraan ummah "Menyebarkan Ilmu Menyedar Ummah"*. Kota Bharu: Uni Press.
- Al-Baghdādī, Abī Manṣūr °Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muhammad. T.th. *al-Farq Bayn al-Firāq*, ed. Muhammad °Uthman al-Khasht. Kaherah: Maktabah Ibn Sina.
- al-Fawzan, Saleh ibn Fawzan ibn °Abd Allah. 1433H/2012. *Min Usūl °Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā°ah*. Jil. 2. Al-Dar al-Bayda': Dār Imām al-Da°wah.
- Ibn al-Athīr, Majad al-Dīn Abī al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari. 1963. *Al-Nihayah fī al-Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Tahqiq: Mahmud Muhammad al-Tanahi dan Tahir Ahmad al-Zari. Jil. 2. T.tp: al-Maktabah al-Islamiyyah
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK). 2016. *Sejarah Penubuhan*. [http://www.jaheaik.gov.my/v6/index.php?option=com\\_content&view=article&id=300&Itemid=273&lang=ms](http://www.jaheaik.gov.my/v6/index.php?option=com_content&view=article&id=300&Itemid=273&lang=ms) [24 Mei 2022]
- JAHEAIK. t.th. *Pelan Induk Transformasi Ummah (PINTU)*. Slaid. t.tp: t.pt.
- Kerajaan Negeri Kelantan. 2008. *Undang-Undang Negeri Kelantan dan Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan*.
- al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad °Aqil bin °Ali. T.th. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā°ah: Madkhal wa Dirāsah*. Kaherah: Dar al-Hadīth.
- al-Miṣrī, Muhammad °Abd al-Hadī. 1992. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā°ah, Ma°alīm al-Inṭilāqah al-Kubrā*. Kaherah: Dar al-°lām al-Duwalī.
- al-Miṣrī, Muhammad °Abd al-Hadī. t.th. *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā°ah, Ma°alīm al-Inṭilāqah al-Kubrā*. Kaherah: Dar al-°lām al-Duwalī.
- Mohd Fauzi Hamat. 2002. Peranan Akidah dalam Perancangan Pembangunan Ummah: Satu Analisis dalam Masyarakat Konteks Masa Kini. *Jurnal Usuluddin* 16(1): 13-34.
- Mohd Hafiz Mat Sulaiman. 2022. Program-program yang dianjurkan oleh Bahagian Dakwah. Temu bual, 3 Januari.
- Mohd. Sabri Ismail. 2004. *Isu-isu kontemporari akidah dan dakwah*. Johor: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Muhammad bin Ibrahim al-Hamd 1416H: °Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā°ah. Dar al-Waṭan.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. 2018. Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā°ah, Asyā°irah dan al-Asy°ari: Satu Pengenalan. *Jurnal Penyelidikan Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)* 30(1): 1-37.

- Mūsā, Jalal Muḥammad. 1975. *Nash'at al-Asy'ariyyah wa Tatawuruha*. Beirut: Dar al-kitab al-Lubnani.
- Mūsā, Jalal Muḥammad. 1982. *Nasha'at al-Asy'ariyyah wa Tatawuruha*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Nawi @ Mohd. Nawi Ismail. 2011. Pembasmian Ajaran Sesat Di Negeri Kelantan: Kajian Terhadap Usaha Yang Dilakukan Oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) Tesis MA, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- al-Qarāḍawi, Yūsuf. 2009. Lā Fatwā Li Shaltūt bi al-Ta'bud 'Alā "al-Ja'farī". <https://www.al-qaradawi.net/node/1496> [24 Mei 2022]
- Sābiq, al-Sayyid. 2000. *Al-Aqā'id al-Islamiyyah*. Kaherah: al-Fath li al-ʿIlām al-ʿArabī.
- Al-Saffarini, Muhammad bin Ahmad al-Saffarini al-Athari al-Hanbali. T.th. *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah wa Sawati' al-Asrar al-Athariyyah*, ed. 'Abd Allah bin 'Abd Rahman et al. Jil 1. T.tp: T.pt.
- Al-Siba'i, Muḥṣafā. 1985. *Al-Sunnah wa Makānatuha fi al-Tasyrī' al-Islāmī*. Beirut: Maktabah al-Islāmī.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2010. *The 500 Most Influential Muslims In The World 2010*. USA: Georgetown University.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2011. *The 500 Most Influential Muslims In The World 2011*. USA: Georgetown University.
- al-Zābidī, al-Sayyid Muḥammad bin Muḥammad al-Ḥusayni. 1989. *It'haf al-Sadah al-Muttaqin*. Jld. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zakaria Stapa. 2001. *Akidah dan Akhlak dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.